

Lupus ketulan minyak secara berperingkat



SH-50 9/8
02-12
810

Jengkaut sedang menggali lubang untuk menanam 200 kg ketulan minyak di Kampung Feri, kelmarin.

KUALA ROMPIN - Sebahagian ketulan minyak atau dikenali sebagai *tar ball* yang sebelum ini mencemari pantai dan perairan Pulau Tioman, di sini berjaya dilupuskan di Kampung Feri, kelmarin.

Sebanyak 200 kilogram (kg) daripada 1,400 kg yang dikumpulkan pelbagai pihak dibawa menaiki tongkang manakala sebahagiannya masih berada di pulau peranginan itu.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman (TDA), Khairur Rizal Ramli, berkata, pelupusan *tar ball* di Kampung Feri itu telah selesai dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Baki *tar ball* sebanyak 1200 kg di Kampung Tekek akan dilupuskan di Pulau Tioman di lokasi yang ditetapkan oleh JAS.

"Pelupusan akan berpandukan kepada perakuan kesesuaian oleh pihak JAS iaitu 500



meter dari punca air tawar," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, kos sewaan jentera untuk mengorek dan menanam sisa *tarball* itu akan ditanggung oleh pihak TDA.

"Buat masa ini kita dapat selesaikan sementara kes pencemaran ini dan kita harap pada musim monsun akan datang ia tidak berulang lagi," katanya.